



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 28 FEBRUARI 2019

- 1. MBB RAIH RM49.6 JUTA**
 - **HARIAN METRO**

- 2. PTSB LAHIR USAHAWAN SISWAZAH TANI MODEN**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 3. PETANI,PENTERNAK, NELAYAN TUNGGU MENTERI KOTAKAN JANJI**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 4. TEMPERATURES WILL SOAR TO 38 DEGREE**
 - **NEW STRAITS TIMES**

- 5. DAMS DRYING UP FAST IN SOME STATES**
 - **NEW STRAITS TIMES**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

30 setempat 28-02-2019 HARIAN METRO



MOHD Sallehuddin (dua kanan) melong nanas selepas merasmikan Program MYBest Buy dan Jualan terus dari ladang di Perkarangan Wisma Tani, semalam.

MBB raih RM49.6 juta

■ Program bantu rakyat bandar nikmati jualan terus dari ladang lebih murah

Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengumpul nilai jualan RM49.6 juta di bawah program My Best Buy (MBB) hingga akhir Januari lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin berkata, nilai jualan tinggi itu susulan sambutan menggalakkan orang ramai sejak program MBB diperkenalkan pada 2014.

Katanya, FAMA memperkenalkan MBB 2.0 bagi membantu rakyat di kawasan bandar menangani kesan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat dengan menawarkan harga istimewa berpatutan.

"Pada tahun ini iaitu dalam tempoh satu bulan, program MBB mencatat nilai jualan RM1.29 juta di 131 lokasi seluruh negara," katanya kepada media selepas merasmikan Program MyBest Buy (MBB) dan Jualan Terus Dari Ladang di Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) di sini, semalam.

Program MBB itu menawarkan 20 gerai jualan membabitkan penyertaan petani ladang kontrak dan usahawan dengan harga berpatutan.

Lapan barangan yang dipasarkan termasuk sayur, ikan, ayam, daging, buah-buahan, barangan industri asas tani dan makanan diproses.

Mohd Sallehuddin berkata, pada masa ini, ada 162 lokasi jualan MBB dan ditambah 33 lokasi menjadikan jumlahnya 195 menjelang hujung tahun ini.

"Program MBB yang diadakan minggu ini dijalankan secara serentak di seluruh negara bermula 25 Februari lalu hingga 3 Mac bagi memberi kesedaran kepada pengguna aktiviti dan dasar kerajaan untuk menikmati harga jualan lima peratus hingga 20 peratus lebih jimat daripada harga pasaran," katanya.

FAKTA
Program MBB dapat sambutan sejak diperkenalkan pada 2014

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 28 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 28 FEBRUARI 2019

Petani, penternak, nelayan tunggu menteri kotakan janji

ALOR SETAR 27 Feb. - Para petani, penternak dan nelayan negeri ini berharap agar Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub tidak lupa sebaliknya mengotakan janji mengembalikan semua subsidi kepada golongan itu seperti diumumkan beliau dalam satu majlis di Yan dekat sini, Khamis lalu.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman berkata, para petani, penternak dan nelayan kini sedang menunggu janji berkenaan yang dibuat Salahuddin iaitu ketika kini Pakatan Harapan berkuasa sebagai kerajaan.

Beliau mengingatkan bahawa golongan berkenaan di seluruh negara tidak teragak-agak untuk mengadakan demonstrasi sekiranya janji itu gagal dikotakan.

“Kami sedang menunggu janji menteri semasa beliau (Salahuddin) berkunjung ke Kedah minggu lepas iaitu untuk mengembalikan semua

subsidi walaupun kerajaan terpaksa berhutang,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Salahuddin untuk mengembalikan semua subsidi berkaitan para petani, penternak dan nelayan meskipun kerajaan terpaksa berhutang dalam satu majlis di Yan dekat sini, baru-baru ini.

Abdul Lateh seterusnya mengingatkan supaya kerajaan menjadikan pengajaran mendapatkan pandangan semua peringkat daripada pemimpin Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), PPN dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebelum membuat sesuatu keputusan dasar berkaitan golongan berkenaan.

Sebelum ini, Salahuddin menangis teresak-esak ketika membacakan sekeping surat luahan hati daripada seorang pesawah di atas pentas dalam Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian itu di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 28 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN



Ishak (tengah) mengunjungi salah satu meja jualan produk.

PTSB lahir usahawan siswazah tani moden

KULIM - Seramai 700 pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) menyertai program Myagrosis New Breed Marketing Entrepreneur dan Karnival My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang bertempat di Dewan Mu'adzam Shah, PTSB, semalam.

Program itu ialah kerjasama PTSB dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Timbalan Pengarah Akademik PTSB, Dr Mohd Zamre Ab Rahman berkata, program itu merupakan salah satu inisiatif dalam melahirkan generasi usahawan siswazah tani moden yang kreatif melalui bidang keusahawanan.

Menurutnya, ia juga melonjakkan kebolehpasaran graduan di mana pelajar didedahkan dengan peluang-peluang yang telah disediakan oleh pihak FAMA untuk

membangunkan keusahawanan khususnya dalam teknik pemasaran secara atas talian yang bertepatan dengan kehendak pasaran masa kini.

"Sejajar dengan Teras Pertama Pelan Strategik Politeknik & Kolej Komuniti (2018 - 2025) iaitu menghasilkan graduan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berkualiti, penerapan nilai dan atribut keusahawanan dijalankan secara meluas merentasi kurikulum melalui semua kursus pengajian yang ditawarkan.

"Penganjuran pelbagai program keusahawanan yang bercirikan Industrial Revolution 4.0 (4IR) khususnya seperti 'e-commerce' telah menarik minat lebih ramai pelajar dan graduan menceburi bidang 'technopreneur'," katanya.

Majlis pelancaran disempurnakan, Pengerusi FAMA Ishak Ismail.

SH 28.2.19.

CALL TO USE WATER SPARINGLY

DAMS DRYING UP FAST IN SOME STATES

Sungai Lebam Dam in Kota Tinggi, Johor, at below critical level

OLIVIA MIWIL
AND MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
cnews@nstp.com.my

DAMS in some states are drying up due to the hot and dry weather, with Sungai Lebam Dam in Johor at below the critical level.

Residents in Kota Tinggi, Johor, have been advised to use water sparingly as the water level in Sungai Lebam Dam is almost 2m below the critical level.

Johor International Trade, Investment and Utilities Commit-

tee chairman Jimmy Puah Wee Tse said the normal water level in the dam was 14m, while the critical level was 12.7m, but current readings showed it was at 10.9m.

"The current hot and dry spell is a cause for concern to the Johor government.

"We do not want water supply problems in Kota Tinggi as there are about 100,000 residents living in Pengerang, Teluk Ramunia, Air Tawar and Tanjung Balau," he said, adding that there was sufficient water supply for about 70 days.

Puah said the Lok Heng Dam here was showing a water level of 2m, just 50cm above the critical level.

"The water supply can last for 21 days and if it continues to decline, it will affect about 20,000 residents.

"However, we have a 'backup plan' that entails digging three

tube wells in the area near the dam."

In Sabah, there are only two months of water storage left with eight rivers at critical level and nine on alert level.

State Water Department director Amarjit Singh said the overall water storage of dams in Sandakan, Kudat, Penampang, Tamparuli, Semporna and Lahad Datu was at 80 per cent.

Papar is one of the areas affected by water woes due to the malfunction of a water treatment plant in the district.

"Papar is facing a problem because one of its plants has saline (sea water) intrusion," he said, adding that the district was getting 10 million litres less and the department had installed a weir in Sungai Kopogon to increase water supply levels.

On the water supply issue in Keningau, Amarjit said the vil-

lagers had access to alternative water sources, adding that the department would send tankers to Bingkor.

As for Sipitang, the department would need time to look into the cause of the problem pending a report from district officers.

"It is believed that the construction of the Pan-Borneo Highway in Sipitang has disrupted the water supply."

Amarjit gave an assurance that the department would resort to cloud seeding if the dry spell continued after April.

Those affected and who need water supply can contact the department's careline at 088-326888.

In Penang, checks revealed that the water level at Teluk Bahang Dam was at 78.4 per cent on Saturday and dropped to 77.2 per cent yesterday.

The water level at Air Itam Dam dropped from 67.3 per cent on Saturday to 64.1 per cent yesterday.


Penang has not experienced any rain since last Wednesday evening.

Penang Water Supply Corporation chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa had said water supply was adequate and the situation under control.

He said the water in the dams was enough even if Penang did not experience any rain for the next 100 days.

In Kelantan, four rivers in eight districts registered a decrease in water levels since the dry spell began early this month.

The Drainage and Irrigation Department portal showed that water levels in Sungai Galas, Sungai Kelantan, Sungai Golok and Sungai Pergau have recorded a decrease.



The water level at Sungai Lebam Dam in Kota Tinggi, Johor, is almost 2m below the critical level. PIX BY HAIRUL ANUAR RAHIM



Rice stalks have withered due to hot weather at Kampung Tanjung Pisang in Alor Star. PIC BY SHARUL HAFIZ ZAM

HEATWAVE

'TEMPERATURES WILL SOAR TO 38°C'

Met Dept says hot and dry spell will persist until inter-monsoon period at the end of April

VEENA BABULAL
KUALA LUMPUR
vblal@nst.com.my

MALAYSIANS have to bear with the current heatwave a little bit longer as temperatures are expected to soar to 38°C at the end of next month or beginning of April.

The Meteorological Department's National Weather and Geophysics Operations Centre

director, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, said it was possible for temperatures to reach 38°C due to the hot and dry conditions, usually experienced during the tail-end of the northeast monsoon.

"In Perlis, Kedah and Perak, the temperatures are expected to reach 38°C even though the normal temperatures in those areas range from 32°C to 34°C.

"Since it's only the end of February, we may have to brace for two more months of hot weather before there is some relief, with increased showers nationwide, during the inter-monsoon period at the end of April," he told the *New Straits Times* here yesterday.

Hisham said temperatures were expected to peak between 2pm and 4pm in Peninsular

Malaysia, and 1pm and 3pm in Sabah.

He advised the public to stop open burning and exercise caution when carrying out outdoor activities.

"Drink sufficient amount of water and get updates on the weather from our website, the Met-Malaysia social media account and myCuaca app."

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd's Customer Relationship and Communication Department head, Abdul Raof Ahmad, said the hot weather had not affected water production in Selangor, hence there was no disruption in water supply to ratepayers.

He was commenting on Lembaga Urus Air Selangor's statement that the water levels in dams were normal despite the hot weather.

HOT WEATHER DO'S AND DON'TS

- Drink plenty of water regardless of the level of physical activity
- Limit the intake of caffeinated, alcoholic and sugary drinks
- Spend more time indoor and limit outdoor activities
- Use fan/air-conditioner to cool down
- Wear cap or hat and use an umbrella to protect from direct heat to the body
- Wear lightweight, light coloured and loose clothing
- Do not stay inside a vehicle without air-conditioner